

DATE: 12/7/2010

Terus usaha jahat promosi Islam, musuh utama Barat - Dr. Mahathir

Israel tidak akan henti propaganda

12/07/10

MEMECAH SEKATAN



INTERNATIONAL CONFERENCE ON GAZA, 11 JULY 2010, PWTC

Oleh TARMIZI ABDUL RAHIM,
RAJA SYAHRIR ABU BAKAR dan
MOHAMAD SHOFI MAT ISA

pengarang@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 11 Julai - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan dunia bahawa pencetus peperangan, negara haram Israel yang disokong penuh Amerika Syarikat (AS) tidak sesekali menghentikan propaganda bahawa musuh utama Barat adalah Islam.

Tegas beliau, Zionis yang mengawal media antarabangsa juga tidak pernah sekali pun menghentikan usaha jahat mereka menghancurkan orang Islam di seluruh dunia dalam pelbagai cara.

Sehubungan itu, katanya, semua pihak yang mencintai keamanan perlu sentiasa berwaspada dan bersedia melawan sebarang usaha jahat yang dilakukan pencetus peperangan untuk mencipta satu lagi peperangan sama ada dengan Iran, Syria atau mana-mana negara.

"Kita mesti berusaha membentuk kerjasama keamanan lebih meluas, seterusnya mendedah dan melawan sebarang usaha jahat pencetus peperangan ini.

"(Flotila) Rachel Corrie dan Mavi Marmara, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan sukarelawan telah membuka dan menunjukkan jalannya. Kita perlu teruskan momentum



DR. Mahathir Mohamad dan Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali memotong pulut kuning sempena sambutan ulang tahun kelahiran Dr. Mahathir sambil disaksikan Rosmah Mansor dan Muhyiddin Yassin selepas majlis penutup persidangan Memecahkan Sekatan: Semangat Rachel Corrie dan Mavi Marmara di PWTC, semalam. - UTUSAN/DJOHAN SHAHRIN SHAH

dan semangat waja ini. Kita perlu terus mendesak semua negara tidak menjadi hipokrit daripada berterusan menyokong Israel.

"Israel tidak boleh dibiarkan meneruskan tindakan jahat dan ganas yang wujud seolah-olah seperti sebuah negara Aparteid. Seperti mana seluruh dunia tidak boleh menerima

tindakan orang kulit putih Afrika Selatan, ia juga tidak boleh dibenarkan berlaku ke atas Palestin," katanya.

Dr. Mahathir yang juga Pengerusi Pertubuhan Keamanan Sedunia Perdana (PGPO) berkata demikian dalam ucapan sempena persidangan sehari Memecahkan Sekatan: Semangat Rachel Corrie dan Mavi Mar-

mara di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Beliau berkata, semua pihak perlu meneruskan usaha menjenayahkan peperangan kerana setiap perbuatan membunuh manusia tidak bersalah adalah amat tidak boleh diterima oleh mana-mana tamadun.

Malah, katanya, Mahkamah Jena-

yah Antarabangsa juga mempunyai pendapat sama tetapi ia dinafikan dengan bersungguh-sungguh oleh AS sejak sekian lama termasuk presidennya sekarang, Barack Obama.

"Oleh itu, sekali lagi kita terus diperangi oleh kesudahan yang nampaknya seperti tiada kesudahan, tidak akan wujud perubahan kerana status quo masih lagi sama seperti sebelum ini dan peperangan merupakan pilihan utama mereka," katanya.

Sementara itu, Dr. Mahathir mengingatkan masyarakat dunia bahawa sasaran utama Israel selepas menghancurkan Palestin dan Iraq adalah Iran serta Syria.

Tegas beliau, semua pihak tidak wajar melupakan rancangan besar pembersihan Asia Barat yang diterajui Perdana Menteri Israel, Benjamin Netanyahu pada 1996 yang merangka rancangan *Clean Break*.

Menurut beliau, rancangan itu bertujuan menolak sepenuhnya sebarang usaha pelan damai di Asia Barat sebaliknya memilih jalan perang dalam usaha menjadikan Israel sebagai kuasa utama di rantau itu.

"Melalui laporan mengenai rancangan ini, Jordan dan Turki merupakan rakan rapat Israel. Bagaimanapun rancangan jahat itu sedikit terjejas apabila Turki baru-baru ini memutuskan segala kerjasama ketenteraan dengan Israel.

"Kita tidak tahu sama ada ia langkah sementara sahaja atau keputusan muktamad yang akan menjadi satu dasar luar negara baru Turki.

"Saya yakin ia langsung tidak akan membantutkan usaha Israel mewujudkan Asia Barat Baru, lagi pun peta baru rantau itu sudah siap dilukis dan ditetapkan mengikut kepentingan strategik negara haram tersebut," katanya.